


Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Wan Nong Muzafar
Kuasai Perniagaan Internet
Shah Alam, Selangor : Grup Buku Karangkraf
2016, 207ms
978-967-86-0649-3

ULASAN

Buku Kuasai Perniagaan Internet adalah sebuah buku yang perlu dimiliki. Ini kerana ia merupakan sebuah naskhah yang sangat hebat yang digarap berdasarkan pengalaman penulis sendiri. Beliau percaya keusahawanan digital menjadi tumpuan kebanyakan peniaga dan usahawan di Malaysia pada masa kini kerana ia merupakan platform yang baik untuk meluaskan pasaran perniagaan. Malah, ia turut membuka peluang kepada suri rumah, pesara, mahupun golongan muda seperti pelajar meneroka bidang itu untuk menjana pendapatan sampingan.

Atas rasa tanggungjawab, beliau berkongsi ilmu dan pengalaman yang dikutip sepanjang beliau mengendalikan perniagaan menyediakan perkhidmatan permainan secara atas talian (*online game*) yang membolehkan orang ramai bermain di rumah. Namun, langit tidak selalunya cerah, perniagaan beliau mengalami kerugian besar sehingga timbul masalah besar. Beliau mengambil keputusan nekad untuk meninggalkan syarikat itu

bersama tanggungan hutang yang banyak untuk dipikul. Bermulalah cabaran baru dalam kehidupan beliau di mana beliau melakukan pelbagai jenis pekerjaan dan perniagaan bagi membayar balik semua hutang yang ditanggungnya sehingga berjaya melangsakan segala hutang dalam tempoh 4 tahun.

Terdapat beberapa panduan yang dikongsikan dalam buku ini yang mendedahkan asas-asas utama dalam menjalankan perniagaan di atas platform *Facebook*, *Instagram*, *WhatsApp*, Pemasaran E-mel, Laman Web, dan *Search Engine Optimization*. Panduan pertama meliputi perniagaan melalui *Facebook* dan konsep komuniti digital yang diwujudkan melalui *Facebook* antara kenalan langsung, kenalan tidak langsung dan bukan kenalan. Seseorang bakal peniaga perlu memahami asas produk dan servis yang ingin ditawarkan untuk memastikan kelainan atau keunikannya berbanding dengan produk-produk yang lain. Buku ini turut memberi panduan untuk membuat dan menguruskan untuk *Page* supaya sentiasa aktif dan disedari oleh pelanggan. Selain itu, penulis turut mendedahkan 3 teknik *posting* jualan yang sering diguna oleh penjual dalam talian disamping berkongsi strategi mlariskan jualan kepada pelanggan melalui *FB Ads* dan kempen *Like*.

Platform kedua adalah dengan menggunakan aplikasi *Instagram*. *Instagram* tidak menghadkan jumlah maksimum bagi jumlah pengikut yang dapat melihat setiap gambar atau video produk yang dimuat naik. Kualiti gambar amat dititik beratkan bagi memastikan setiap gambar yang dimuat naik memberi impak kepada pelanggan. Langkah penting perlu diambil ialah untuk membuat *CTA (Call to Action)* iaitu arahan kepada audiens untuk mendapatkan respons serta-merta dan penggunaan *hashtag* untuk mengelaskan gambar dan memudahkan pencarian gambar.

Kaedah jualan melalui platform *WhatsApp* pula merupakan kaedah yang sangat popular kerana dalam dunia masa kini, komunikasi dua hala sangat penting. Ini kerana, pelanggan sudah semakin bijak dalam membuat pemilihan barang sehingga mereka berpuas hati untuk membeli produk yang dijual. *WhatsApp* boleh digunakan oleh seorang jurujual untuk menarik minat pelanggan dan memastikan pelanggan sedia ada tidak lari atau terputus hubungan.

Selain itu, terdapat juga saluran pemasaran yang didapati berkesan iaitu menerusi e-mel. Cara ini berkesan bagi penjual yang sudah mempunyai sasaran yang hendak dikuasai. Penggunaan e-mel boleh membina hubungan atau jaringan komuniti antara penjual. Laman web yang efektif merupakan platform yang berkesan kepada pembeli. Maka laman web mestilah lengkap dengan informasi yang jelas, mudah difahami dan sentiasa dikemaskini kandungannya.

Penulis turut berkongsi penduan membina laman web sebagai platform perniagaan dengan penekanan diberikan terdapat penggunaan SEO (*Search Engine Optimization*) yang amat penting untuk pencarian maklumat berkesan.

Kesimpulannya, buku ini amat sesuai untuk mereka yang baru berjinak-jinak dalam perniagaan atas talian mahupun untuk memahami kaedah penjualan produk atau perkhidmatan selain mampu meluaskan potensi sasaran pelanggan digital di Malaysia dan di luar negara.

Pengulas:

Nur Aishah binti Che Raimi


Penolong pengarah

Bahagian Sumber Elektronik

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Khairy Tajudin & Nazihatul Solehah
Srikandi Agung: Inspirasi kisah srikandi dan wanita Islam

Selangor: Jootawan Books, 2016. 205ms.

9789671350362

ULASAN

Buku ini mengandungi kisah 40 orang Srikandi Agung yang memberi inspirasi kepada wanita moden masa kini yang ingin mencontohi bidadari dan wanita syurga yang kisahnya terkandung dalam sirah Nabi Muhammad S.A.W. Mereka adalah srikandi mulia di sisi Rasulullah. Mereka merupakan wanita hebat dalam dunia Islam yang berjuang untuk menegakkan syiar Islam serta hebat dalam menyokong perjuangan suami masing-masing dalam menegakkan kebenaran Islam.

Nashkah ini bermula dengan kisah kehebatan Siti Sarah yang sanggup mengorbankan perasaan cinta dan cemburu demi memastikan penerusan zuriat keturunan keluarga Ibrahim A.S dengan merestui Nabi Ibrahim A.S berkahwin dengan Siti Hajar. Atas sikap toleransi Siti Sarah, beliau telah dikurniakan zuriat apabila Allah S.W.T mengutuskan malaikat untuk memberitahu Siti Sarah dan Nabi Ibrahim AS.

Kisah seterusnya, adalah tentang Srikan迪 Agung iaitu Siti Khadijah yang sentiasa menyokong perjuangan Baginda Rasullah S.A.W. termasuk mendermakan seluruh hartanya ketika orang lain enggan memberinya. Tokoh inilah yang telah melahirkan zuriat keturunan Rasulullah S.A.W. Beliau juga sentiasa memberi semangat kepada Baginda pada saat semua orang membencinya. Khadijah al-Khuwailid merupakan murabbi paling terang daripada segenap gugusan bintang.

Adalah tidak lengkap sekiranya tidak dimasukkan kisah Aisyah R.A yang merupakan wanita pertama di hati Rasulullah S.A.W selepas Khadijah R.A. Wanita ini memiliki tujuh kelebihan yang tidak dimiliki wanita lain kecuali kelebihan yang diberikan Allah kepada Maryam binti Imran. Di antara kelebihan beliau adalah sifat Aishah R.A. lebih memilih kesederhanaan walaupun seringkali dilimpahkan kekayaan. Dia pernah membahagi-bahagikan 70,000 dirham wang perak padahal pada waktu yang sama dia sedang menampal dan menjahit pakaianya.

Kisah seterusnya adalah tentang wanita tabah dan amat cekal iaitu Ummu Salamah anak kepada seorang tokoh Quraisy yang dermawan dan pemurah. Wanita ini dengan penuh kecekalan hati telah menempuh perjalanan yang amat sukar dengan mendukung anaknya menaiki unta tanpa ditemani sesiapa. Tekad beliau adalah demi untuk menyusuli suaminya dan menyatukan kembali cinta tiga beranak itu di Madinah.

Penulis turut memuatkan kisah kehebatan Muti'ah yang diberitakan oleh Rasulullah S.A.W sebagai wanita pertama yang masuk ke syurga. Puteri Rasullulah S.A.W iaitu Fatimah kagum dan terharu dengan layanan istimewa yang diberikan oleh Muti'ah kepada suaminya. Rasulullah memaklumkan kepada Fatimah bahawa wanita istimewa inilah yang akan menjadi penarik kudanya di syurga nanti.

Amat ramai Srikan迪 Agung di zaman Rasulullah S.A.W, termasuk seorang isteri Rasulullah S.A.W yang tidak berkesempatan meriwayatkan sebarang hadis kerana singkatnya hidup bersama Baginda. Beliau adalah Zainab bt Khuzaimah. Beliau telah berbakti untuk menyibukkan diri dengan menyantuni orang miskin selain beribadah kepada Allah S.W.T.

Kisah-kisah Srikandi mulia di zaman Rasulullah S.A.W amat wajar ditelusuri untuk diteladani oleh wanita muslimah era masa kini dalam menghadapi pelbagai puncaroba dengan mengambil contoh wanita syurga berjuang demi kesetiaan terhadap Allah S.W.T dan Rasulullah S.A.W. Semoga dengan penerbitan kisah Srikandi Agung ini dapat memberi inspirasi buat semua wanita muslimah agar terus berjuang untuk menjadi wanita penghuni syurga.

Pengulas:

Siti Manoriah Bt Saleh


Penolong Pengarah Kanan

Pusat Penyerahan Terbitan Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Mohd Affandi Ramli
Surat Untuk Anak

Selangor: Anak Kunci Production, 2016. 160ms.
9789671190029

ULASAN

Dikurniakan oleh Allah dua orang anak yang disahkan menghidap Cerebral Palsy bukanlah pengakhiran sebuah kehidupan buat pasangan Mohd Affandi Ramli dan Raja Rohaisham. Buku ini diterbitkan rentetan penulis ingin berkongsi rasa dan pengalaman membesar anak yang mengalami penyakit Cerebral Palsy atau kelumpuhan otak besar. Cerebral Palsy adalah sejenis kecacatan yang dikesan pada bayi apabila pengendalian otot tidak atau kurang berfungsi kaku, lumpuh serta gangguan fungsi saraf lainnya.

Penulis dan isteri menerima kelahiran seorang anak perempuan istimewa yang diberi nama Annisa setelah dua kali keguguran. Annisa membesar tidak sama seperti kanak-kanak seusianya di mana pada 2 bulan pertama kelahirannya Annisa hanya boleh tidur dan tiada respon lain yang diberikan. Terdetik perasaan seorang ibu akan kelainan anaknya, akhirnya Annisa dibawa bertemu doktor pakar. Doktor mengesahkan Annisa mengalami Cerebral Palsy ketika berusia 6 bulan. Dua tahun selepas kelahiran Annisa, pasangan ini dikurniakan seorang lagi anak istimewa iaitu Annur. Annur juga turut

disahkan mengalami Cerebral Palsy sama seperti kakaknya.

Pasangan ini meghadapi cabaran yang amat sukar dalam membesarakan Annisa dan Annur yang hanya mampu melentang melihat dengan redup pandangan mata dan senyuman yang sepi. Walaupun dilahirkan cukup sifat seperti kanak-kanak normal yang lain namun kecederaan otak yang dialami melumpuhkan fungsi tubuh badan maka secara automatik penulis dan isteri menjadi alat kawalan dekat buat mereka. Ketika ada sebahagian ibu bapa yang hilang akal apabila menerima kurniaan anak sebegi rupa tetapi penulis dan isteri menujukkan kesabaran dan ketabahan luar biasa bagi menghadapi hari-hari yang mendatang.

Penulis dan isteri terus tabah dan sentiasa berusaha memberi yang terbaik untuk anak-anak ini dan mereka yang senasib termasuk mengadakan kempen Hope2Walk yang dianjurkan bagi mencari dana untuk menampung kos perubatan Annisa dan Annur ke Beijing. Namun, Allah adalah perancang terbaik kerana sebelum berlepas ke Beijing Annisa telah pulang menghadap pencipta. Namun, Hope2Walk terus diperjuangkan bagi membela nasib dan hak anak-anak OKU untuk hidup sebagaimana manusia normal.

Penulis menterjemahkan emosi beliau yang sebenar melalui penulisan buku ini bagi menggambarkan keindahan daripada pemberian Ilahi kepada beliau suami isteri. Mohd Affandi menulisnya, daripada hati sambil menyentuh emosi pembaca dengan gaya penulisan yang bersahaja. Sesekali pembaca dibuai perasaan sedih, simpati dan kadang-kadang marah dengan sifat penulis yang panas baran. Keadaan sekeliling yang meyebabkan penulis dan isteri menjadi keras dalam keperihan membesarkan Annur dan Annisa. Annur dan Annisa menjadi ikon dalam penyatuan masyarakat berlainan bangsa dan agama. Melalui penulisan ini penulis cuba menyedarkan masyarakat agar bersyukur dengan kurniaan Allah S.W.T. dan menyokong kempen Hope2Walk.

Di bab akhir buku ini, penulis ini berkongsi rasa melalui penulisan surat kepada isteri beliau Raja Rohaisham untuk tidak menangisi ketentuan Ilahi dan terus tabah. “*Ingatkah kata-kata yang selalu aku ucapkan kepadamu yang Tuhan suka kita beginilah kita menjalani apa yang disukai*”. Penulis menegaskan kesedihan hanya akan membuat manusia semakin lemah dan tidak mensyukuri segala nimir yang telah dikurniakan oleh


Allah S.W.T. Nashkah ini amat sesuai dijadikan panduan dan bacaan masyarakat umum agar lebih peka terhadap keperluan golongan yang memerlukan.

Pengulas:

Jamiliana Bt Jamil
Penolong Pengarah
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MOHAMED NOOR SHAMSUDDIN
Rosyam Nor: Impian Budak Setinggan
Kuala Lumpur: Suhan Publication. 2016: 200ms.
978-967-14055-0-5

ULASAN

Pelakon terkenal tanah air iaitu Rosyam Nor atau nama sebenarnya Mohamed Noor Shamsuddin mendedahkan pengalaman hidup beliau untuk perkongsian pengajaran kepada peminat dan mereka yang ingin berjaya. Buku ini merangkumi dua dalam satu, iaitu biografi dan motivasi. Rosyam Nor meskipun telah berjaya namun beliau tidak akan melupakan kehidupannya membesar di kawasan setinggan Kampung Kerinchi serta suka duka yang dilalui oleh beliau sendiri bersama adik beradik yang lain. Tetapi kesempitan hidup ini tidak menjadikan mereka berpecah belah, malah dijadikan semangat untuk sama-sama membina kehidupan yang lebih selesa.

Mendefinisikan kehidupan setinggan sebagai satu kehidupan yang tidak ada langsung pilihan, namun beliau tidak pernah bersungut mahupun mengeluh kerana beliau

menganggap segalaya adalah takdir supaya lebih mengenal erti kehidupan. Ini memberi lebih kesedaran bahawa ayah dan ibu juga memerlukan keringat demi memberi kelengkapan pada beliau dan adik beradik yang lain, menjadikan mereka lebih bertanggungjawab dan mengajar diri untuk berusaha demi mencipta takdir yang lebih baik.

Pelbagai peristiwa suka duka dialami beliau termasuk peristiwa yang mencemaskan yang terjadi ketika berusia lima tahun, terjadi satu peristiwa yang mencemaskan akibat kekurangan zat, seluruh tubuh beliau terasa kaku, kebas dan tidak boleh menggerakkan bahagian pinggang hingga ke bawah doktor menyatakan berisiko untuk terkena penyakit Polio.

Namun beliau tetap memasang tekad sejak alam persekolahan, untuk memperbaiki kehidupan walaupun serba kekurangan, tanpa duit belanja dan pakaian yang sempurna. Buku sekolah diisi dalam beg plastik dan harus menunggu abang beliau keluar dari bilik darjah untuk menukar beg. Beliau tidak kenal apa erti pakaian raya, lauk pauk enak di pagi raya di sebabkan keadaan hidup keluarga tidak mengizinkan. Ibu menjadi tauladan kepada beliau untuk sentiasa tabah ketika diuji dan menjadikan beliau sedar bahawa kesengsaraan bukanlah untuk diuar-uarkan, begitu juga ketika diuji dengan kesenangan bukanlah bermakna masa untuk memukul canang pula.

Beliau amat mengagumi dan bangga dengan pengorbanan ibu beliau yang mengambil upah mencuci pakaian di tiga buah rumah pada zaman belum wujudnya mesin basuh lagi. Keadaan itulah yang membuatkan beliau menanam tekad untuk berusaha agar dapat menghadiahkan kehidupan yang lebih baik kepada kedua ibu bapa beliau.

Justeru, beliau melakukan pelbagai pekerjaan seawal usia 13 tahun, termasuk mengambil upah mengecaj bateri, menjadi pembantu di kedai dan menjadi buruh. Apabila keputusan SPM diumumkan, beliau mengalami 7 kegagalan, yang amat memeritkan apatah lagi kerana bapa menaruh harapan tinggi untuk beliau berjaya dalam pelajaran. Tetapi beliau tetap positif berpegang kepada prinsip bahawa kegagalan bukanlah alasan untuk tidak berusaha untuk berjaya, malahan beliau menganggap kegagalan itu adalah ibarat hukuman sementara akibat dari apa yang beliau lakukan.

Pendirian yang positif itu telah membawa hasil apabila cita-cita untuk menjadi seorang pelakon akhirnya tercapai dan menjadi realiti. Beliau ditawarkan berlakon untuk watak pembantu dalam filem Gila-Gila Remaja. Perjalanan beribus batu bermula dengan langkah yang pertama. Atas dasar itu, beliau melatih diri untuk melaksanakan segala apa yang perlu dilaksanakan walau pun dalam kepayahan untuk terus berjaya dalam bidang lakonan dan industri perfilman.

Dari situlah beliau belajar, jika mahu menjadi pelakon, bukan sahaja perlu pandai berlakon tetapi perlu juga punya disiplin yang baik, menepati masa dan menepati janji kerana tingkah laku kita akan mendatangkan kesan kepada orang lain juga. Walaupun watak tidak sebesar mana, beliau sentiasa memastikan kesungguhan dan kerja-kerja yang diamanahkan diselesaikan dengan sempurna. Atas prinsip-prinsip unik Rosyam Nor berjaya menempa nama melalui filem-filem yang dilakonkan oleh beliau seperti Sayang Salmah, Perawan Malam, Tak Kesahlah Beb, Kanta Serigala, dan Jimi Asmara. Kini beliau telah maju dalam pelbagai bidang lain termasuklah menjadi ahli perniagaan, peladang agro dan juga menjadi duta eRezeki di bawah MDeC untuk mempromosi pekerjaan di atas talian

Begitulah pengakhiran tulisan buku ini, biarpun asalnya beliau hanyalah budak setinggan yang hidup dalam kedaifan dan bergelumang dengan kemiskinan, berkaki ayam, berlengging berlari kesana kemari, namun kini segalanya telah berubah. Pengajarannya mudah saja, sebenarnya tidak ada jalan singkat untuk berjaya, tidak ada jalan pintas untuk mendapat keuntungan. Semuanya perlukan usaha dan kerja keras.

Pengulas:


Siti Zubaidah bt Ahmad

Penolong Pengarah

Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia.

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Azlina Kamaruddin
Komunikasi dan seni pemujukan
Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2015.
98ms.
9789670876122

ULASAN

Seringkali kita dimomokkan dengan perkataan ‘pujuk’ dan acapkali dikaitkan dengan kaedah memujuk seseorang yang sedang merajuk. Komunikasi dan seni pemujukan ini perlu berjalan seiring dimana untuk memujuk seseorang, kita terlebih dahulu harus bijak dalam komunikasi. Penulis mengutarakan prinsip *Earl Newsome*, bahawa pemujukan merupakan ransangan terhadap sesuatu idea, pendapat atau pandangan yang dirasai apabila seseorang dapat melihat kesan langsung ke atas kehendak dan keperluannya.

Penulis turut menerangkan lima prinsip-prinsip asas dalam pemujukan iaitu penentuan matlamat yang jelas, kemahiran komunikasi intrapersonal, ilmu psikologi manusia, kemahiran komunikasi interpersonal dan persekitaran yang kondusif. Tidak kurang penting ialah aspek bahasa yang digunakan dalam pemujukan juga penting dimana dalam kaedah memujuk, bahasa yang digunakan perlu menaikkan darjah, dan ringkas. Penulis juga mengupas strategi asas dalam pemujukan. Antara strategi yang diketengahkan adalah menerangkan perkara sebenar kepada orang yang dipujuk,

bertolak ansur dan bijak dalam membuat keputusan dan mengucapkan kata-kata manis. Cerita-cerita pendek berbentuk dialog yang mempunyai perkaitan dengan topik turut diselitkan bagi memudahkan pembaca memahami konsep seni pemujukan.

Di samping teori dan model-model berkaitan yang diambil berdasarkan kajian, penulis turut menyelitkan ayat-ayat al-Quran beserta tafsiran dan juga hadis bagi menyokong hujah yang diutarakan. .

Penulis mengharapkan buku ini dapat membetulkan tafsiran istilah pemujukan. Pengetahuan tentang kaedah pemujukan dapat digunakan dalam pelbagai aspek seperti mengembirakan orang yang sedang merajuk, malah ia juga merupakan salah satu komunikasi dalam perniagaan dan pemasaran bahan niaga. Seni pemujukan juga digunakan dalam iklan-iklan bertujuan untuk menarik perhatian pembeli. Seni pemujukan bukan hanya tertumpu kepada satu-satu golongan sahaja malah teknik atau kaedah yang perlu digunakan adalah berbeza mengikut golongan dan peringkat umur. Hal ini adalah penting untuk membina hubungan yang baik antara pasangan, keluarga, rakan, dan juga pelanggan dalam perniagaan.

Buku ini amat sesuai untuk pelajar yang mengikuti bidang komunikasi, psikologi, kaunseling, dan bidang yang berkaitan dengan sains sosial dan kemasyarakatan untuk bacaan umum.

Pengulas: **Norhamiza Binti Mohamad Hanopiah**
Penolong Pengarah
Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad
Keris Melayu Semenanjung : Suatu Pengenalan
Serdang, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia,
2015. 134ms.
9789673444496

ULASAN

Nashkah ini membicarakan secara khusus tentang seni pembuatan keris yang merupakan senjata tikam yang telah digunakan di Alam Melayu sejak 700 hingga 800 tahun yang lampau. Menurut kajian, keris dipercayai telah digunakan sejak zaman Majapahit. Ini terbukti daripada ukiran-ukiran pada dinding candi-candi yang dipercayai telah dibina pada zaman tersebut yang memaparkan figura memegang sejenis senjata berbentuk keris lurus dan lebar yang kini disebut keris Buda atau Bethok.

Keris begitu sinonim dengan kehebatan sejarah lampau bangsa Melayu di Nusantara yang dikaitkan dengan cerita kepahlawanan. Nilai estetika keris terletak pada hulu, pendokok, bilah mata serta sarungnya yang menjadi lambang maruah, kedaulatan dan lambang kekuasaan Melayu. Dengan keris, orang Melayu silam membina empayar dan mempertahankan kedaulatan tanah air, mempertahankan diri daripada pencerobohan dan penjajahan Portugis, Belanda, Siam, dan British. Di samping itu, dengan semangat keris jugalah orang Melayu telah bangun memperjuangkan kemerdekaan dan menebus

kembali maruah yang diinjak. Justeru, ia telah memainkan peranan yang besar dalam episod jatuh bangunnya riwayat ketamadunan Melayu zaman berzaman.

Meskipun memilih bidang pengajian moden namun tuntutan keadaan telah mendorong beliau untuk membuat kajian selama lebih tiga tahun untuk mengenali dan memahami keris. Kajian tersebut meliputi pembacaan bahan rujukan bercetak dan bahan digital dalam talian, lawatan kajian dan pemerhatian di tempat pembuatan senjata pusaka, melawat ke muzium di seluruh Malaysia dan Singapura, Muzium Pusaka Jakarta dan menemu bual beberapa orang empu, pandai besi, tukang sarung, tukang hulu, pedagang keris serta pengumpul keris.

Menurut penulis, keris Melayu ialah keris yang dihasilkan di Pulau Jawa, Sumatera, Sulawesi, Borneo, kepulauan di selatan Filipina dan Semenanjung Malaysia. Manakala keris Melayu Semenanjung adalah yang dihasilkan dan digunakan oleh orang Melayu yang mendiami Semenanjung Malaysia, termasuklah dari Singapura hingga ke utara, ke kawasan orang Melayu di selatan Thailand. Penulis turut menceritakan mengenai pembuatan keris beserta gambar keris tersebut. Ini memudahkan lagi penerangan kepada pembaca baru yang ingin mengenali keris. Penulis turut membicarakan adab berkeris seperti adab memakai keris adab memberi dan menerima keris, pantang larang dan cara mengendalikan keris Melayu Semenanjung.

Dalam buku ini, penulis banyak membicarakan tentang keindahan keris pada sarung dan bilahnya. Ini kerana terdapat perbezaan berdasarkan kepada tempat atau daerah keris itu dibuat, fungsi atau kegunaannya, reka bentuk bilah dan pakaian keris. Daripada perbezaan tersebut, penulis telah membicarakan penjenisan keris Melayu Semenanjung. Penulis turut menyentuh mengenai senjata lain yang dibuat dan digunakan oleh orang Melayu terdahulu seperti meriam, lela dan rentaka, pemuras, istinggar, terakol, panah, lembing dan tombak, pedang, parang dan golok, sundang, tekpi, tumbuk lada, badik, pisau, kerambit dan punal atau gunong Mindanao.

Pada pengakhiran nashkah ini, penulis membicarakan tentang signifikan keris dalam masyarakat Malaysia seperti sebagai alat kebesaran diraja, lambang detik bersejarah, mercu tanda, logo dan emblem serta kepercayaan karut tentang keris. Penulis turut

berharap setelah membaca buku ini, pembaca akan dapat mengenali keris Melayu Semenanjung dan menyelami keistimewaan senjata pusaka tersebut.

Pengulas:

Abdul Jalil bin Awang

Penolong Pengarah
Pusat Kebangsaan Manuskip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Norfishah Mat Rabi
Rahsia dan Keunikan Personaliti Kanak-kanak Autistik di Malaysia

Pulau Pinang: Penerbitan Universiti Sains Malaysia,
2015. 196ms.
9789838618618

ULASAN

Masyarakat di Malaysia pada masa kini sudah semakin sedar tentang sindrom autisme dan mutakhir ini, kanak-kanak autisme semakin mendapat perhatian dari pelbagai lapisan masyarakat. Autisme secara amnya merujuk kepada keadaan ketidakseimbangan tingkah laku, komunikasi, dan interaksi. Penghasilan buku ini wajar dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan bagi memahami seterusnya mendidik kanak-kanak yang mengalami autisme. Ibu bapa, penjaga, guru dan masyarakat umum dapat mengambil intipati yang terkandung di dalam buku ini sebagai panduan untuk mengenali dengan lebih dekat golongan kanak-kanak autisme dan keperluan mereka dalam pembelajaran dan kehidupan sosial mereka.

Buku ini terhasil daripada pengalaman penulis sebagai pengajar kanak-kanak autisme serta kajian lapangan yang dilakukan tentang kanak-kanak autistisme pelbagai tahap yang berusia 7 hingga 12 tahun. Kajian beliau membahagikan isi kandungan buku ini kepada enam bab iaitu Mengenali Sindrom Autisme; Latar Belakang kanak-kanak

Autisme meliputi aspek bahasa, komunikasi dan interaksi sosial kanak-kanak autistic.

Autisme berasal daripada perkataan *autos* yang bermaksud sendiri dan *isme* yang bermaksud aliran. Justeru, autisme merujuk kepada keadaan seseorang yang berada dalam suasana kesendirian. Pelbagai teori turut dikaitkan dengan punca sindrom autisme seperti sikap dingin ibu bapa, trauma otak dan kerencatan akal. Setiap individu umumnya mempunyai ciri sindrom autisme yang berbeza. Beberapa contoh cerita berkaitan ciri-ciri perwatakan kanak-kanak autistik turut dimuatkan dalam bab pertama. Ibu bapa hendaklah peka akan keperluan kanak-kanak autisme serta mengetahui perwatakan dan sifat perilaku mereka supaya golongan ini lebih mudah didekati.

Kanak-kanak autistik lazimnya adalah pendiam, senyap dan kurang aktif. Oleh itu, ibu bapa seharusnya memberi lebih perhatian bagi mengenal pasti gejala autisme di peringkat awal iaitu sejak bayi lagi. Malahan, perkembangan usia kanak-kanak yang tidak seiring dengan perkembangan tumbesaran perlu diberi lebih penekanan. Terdapat beberapa kategori autisme termasuklah autistik Kanner, Asperger dan Retts. Kanak-kanak autistik Kanner mengalami kekurangan dalam kognitif, komunikatif dan gangguan bahasa. Kanak-kanak autistik Asperger pula dilihat lemah dalam kemahiran komunikasi, interaksi sosial serta mempunyai tingkah laku berulangan. Kategori autisme ketiga ialah sindrom Retts yang menyebabkan individu mempunyai kesukaran pembelajaran dan hilang keupayaan sepenuhnya.

Pendidikan kanak-kanak autistik menjadi satu aspek penting seperti yang diuraikan dalam buku ini. Terdapat kurikulum Pendidikan Khas bagi kanak-kanak autistik dalam kategori masalah pembelajaran. Ujian kemahiran literasi, kemahiran bertutur dan mendengar, kemahiran membaca dan kemahiran menulis juga akan dilaksanakan bagi menilai tahap perkembangan pembelajaran mereka. Hakikat yang perlu diketahui ialah mendidik kanak-kanak autisme bukanlah suatu perkara yang mudah. Justeru, kerjasama semua pihak yang disertakan dengan pengalaman dan pengetahuan perlu dipertingkatkan bagi membantu kanak-kanak autistik medapat pendidikan yang sewajarnya.

Antara aspek penting yang lain yang perlu diberi perhatian ialah kehidupan sosial kanak-kanak autistik. Disebabkan mereka kurang mahir berkomunikasi dan berinteraksi, pergaulan mereka dengan masyarakat sekeliling turut terbatas. Sesetengah ibu bapa turut mempunyai masalah ketika berhadapan dengan pandangan serong masyarakat terhadap anak-anak autisme. Justeru, pendekatan secara menyeluruh perlu diambil bagi membuka mata dan minda pelbagai lapisan masyarakat untuk menerima golongan autisme.

Antara perkara yang diketengahkan dalam aspek kehidupan sosial termasuklah pendidikan agama dan moral, peluang pekerjaan, peluang pendidikan tinggi dan pengurusan diri. Selain itu, sokongan moral dan perkhidmatan kaunseling juga diperlukan untuk golongan autisme dalam menjalani kehidupan seharian. Melalui pendedahan ini, ibu bapa, guru dan masyarakat mendapat maklumat yang jelas agar individu autistik lebih diterima dan boleh menjalankan kehidupan normal seperti biasa. Secara keseluruhannya, buku ini memberi maklumat yang padat berkaitan kanak-kanak autisme.

Pengulas:


Za'imatal Ahlam binti Talhah

Penolong Pengarah

Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara

Perpustakaan Negara Malaysia


SINOPSIS BUKU



Siti Ezaleila Mustafa
Media Jaringan Sosial :
Penggunaan dan Pengaruhnya
Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2015.
197ms.
ISBN 978-983-100-819-5

Media jaringan sosial amat mempengaruhi kehidupan seharian khususnya kepada golongan muda yang begitu teruja dan tertarik dengan perkembangan teknologi serta inovasi terkini. Malahan memberi sumbangan yang ketara dalam mengekalkan hubungan dan menjadi perantara untuk berkomunikasi di antara satu sama lain. Buku ini memperkatakan tentang ciri dan fungsi jaringan sosial dalam talian popular dunia dan laman sosial tempatan. Turut membincangkan berkaitan trend penggunaan jaringan sosial dalam talian, motivasi atau tujuan penggunaan jaringan sosial dalam kalangan pengguna aktif di Malaysia. Diterangkan juga impak dan kelebihan penggunaan jaringan sosial dalam talian berbanding media komunikasi lain serta komunikasi di luar talian. Buku yang menggunakan kaedah kajian bersifat eksplotitari bagi memahami perkembangan dan perubahan bentuk komunikasi manusia ini, boleh dimanfaatkan pembaca untuk memperoleh pemahaman berkenaan fenomena penggunaan jaringan sosial dalam talian di peringkat global mahu pun di Malaysia khususnya.


SINOPSIS BUKU



Abdullah Embong
Sistem Pangkalan Data
Kuantan, Pahang: Penerbit
Universiti Malaysia
Pahang, 2014. 430ms.
ISBN 978-967-0691-34-3

Pangkalan data ialah himpunan data-data berkaitan yang dikongsi bersama oleh pelbagai kategori pengguna bagi memenuhi kehendak maklumat sesebuah organisasi. Namun ledakan data yang terlalu banyak akan menjadi satu bebanan jika tidak diurus dengan sebaiknya. Oleh yang demikian satu sistem pangkalan data yang teratur amat diperlukan. Buku ini memberi gambaran menyeluruh tentang keperluan satu sistem pangkalan data yang menggabungkan antara teori dengan amalan dalam penggunaannya. Bab-bab disusun mengikut logik penyampaian dan pembelajaran yang terbaik dengan andaian pelajar-pelajar melaksanakan satu projek pembangunan sistem aplikasi pangkalan data. Faedah dan kebaikan sistem berserta contoh turut diterangkan melalui perbandingan dengan sistem pemprosesan fail. Setiap bab juga akan diakhiri dengan soalan tutorial bagi menguji pemahaman pelajar mahu pun pembaca. Wajar sekali pelajar di institusi pengajian tinggi yang mengikuti kursus berkaitan menggunakan buku ini sebagai bahan rujukan dan latihan.

SINOPSIS BUKU




Kemiskinan : Isu Pendapatan dan Program Pembasmian
Sintok, Kedah Penerbit
Universiti Utara Malaysia,
2015. 150ms.
ISBN 978-967-0474-97-7

Isu kemiskinan merupakan satu isu yang tidak pernah luput diperkatakan sehingga hari ini dan sering dibincangkan semenjak negara kita mencapai kemerdekaan lagi. Pelbagai program telah diwujudkan oleh kerajaan bagi menangani masalah kemiskinan seperti Dasar Ekonomi Baru sehingga ke Model Baru Ekonomi. Semua dasar dan program ini bertujuan untuk membantu rakyat negara ini untuk memperoleh pendapatan tinggi dan agar terus berkekalan. Buku yang menghimpunkan artikel-artikel hasil penulisan oleh ahli akademik ini memberi pendedahan dan gambaran berserta bukti penemuan daripada kajian sebenar yang telah dilakukan oleh pensyarah dan penyelidik dalam bidang yang dikaji. Menariknya tentang karya ini ialah kebanyakan artikel yang ditulis menampilkan bukti empirikal atau kajian kes sebenar kemiskinan terutama dalam kalangan orang Melayu yang dilakukan oleh penulis itu sendiri. Ini menjadikan setiap bab itu mempunyai kesahihannya dan memberi gambaran sebenar tentang sesuatu keadaan yang berkaitan dengan kemiskinan. Menjadi harapan penulis agar buku ini boleh dimanfaatkan oleh para pembaca khususnya untuk pelajar dan penyelidik yang ingin membuat rujukan berkaitan bidang kemiskinan di Malaysia.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Najmi Fetih
**Kerna Syurga Bukan
Percuma**
Shah Alam, Selangor:
Sentap Press Sdn. Bhd,
2016. 320ms.
ISBN 978-967-14048-1-2

Ramai yang ingin berubah serta berhijrah tetapi terkandas disebabkan cabaran dan cemuhuan yang diterima daripada masyarakat sekeliling. Insan yang kurang baik akan berusaha berubah menjadi seorang yang lebih baik dan yang baik akan cuba menjadi yang terbaik. Namun mampukah seseorang itu menahan keperitan sebelum merasai betapa indahnya selepas berubah. Buku ini adalah kombinasi novel, artikel dan puisi hasil karya penulis yang menceritakan tentang kesukaran serta cabaran yang dihadapi oleh seorang lelaki daripada masyarakat sekeliling semasa dalam tempoh penghijrahannya. Namun pastinya tiada jalan pintas dan semudah itu untuk ke syurga melainkan dengan bersusah payah dahulu. Bak kata penulis “*Syurga bukan percuma. Tetapi percayalah, orang yang paling miskin dalam dunia ni pun boleh beli. Kerana harganya bukan pada harta, tetapi taqwa.*”

SINOPSIS BUKU



Ukhti Mawar
Basikal Karat
Shah Alam, Selangor: Grup
Buku Karangkraf Sdn. Bhd.,
2016. 174ms.
ISBN 978-967-8606-17-2

Atas semangat untuk terus berdakwah, karya penulis yang terpendam selama dua tahun ini akhirnya berjaya diterbitkan untuk tatapan para pembaca. Kandungan buku ini sangat sinonim dengan kehidupan kita seharian. Memaparkan perkongsian kisah sebenar penulis yang dirasakan mempunyai hikmah tersendiri, lantas dirasakan harus didakwahkan untuk renungan bersama. Kisah-kisah ini adalah kisah yang realiti dan pasti dalam kehidupan seorang pendakwah muda. Mengajak dan menyedarkan anak muda untuk sentiasa menjadikan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari sebagai pengajaran yang mematangkan diri. Sentiasa menjadikan masalah sebagai jalan penyelesaian dan juga sentiasa bersedia dalam tidak bersedia. Buka mata dan hati dengan peristiwa disekeliling sebagai pedoman dan hikmah untuk dipelajari agar jiwa anak muda berisi minda dan hati.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Elyas Ismail
20 Sen Untuk Ke Syurga
Shah Alam, Selangor:
Grup Buku Karangkraf
Sdn. Bhd., 2016. 201ms.
ISBN 978-967-8606-86-8

Buku ini memuatkan nasihat dan ingatan untuk kita yang sering terlupa peranan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Sifat lupa dan lalai inilah yang menjadi petualang terbaik bagi syaitan membisikkan kejahatan lalu mendorong ke arah kemungkaran. Justeru, dalam kesibukan melakukan ketaatan, berhati-hatilah dengan perangkap syaitan dan pujukan nafsu yang mendorong kita membuat kemaksiatan. Hanya orang yang kuat imannya terhadap Allah SWT, Rasul dan hari akhirat akan sentiasa berhati-hati dalam tindakannya. Penulis menekankan, agar sentiasa mendidik hati supaya sentiasa mencintai ilmu dan bersahabatlah dengan pencinta ilmu. Lantas sebarluaskanlah segala isi ilmu sesama ahli keluarga, jiran, rakan dan masyarakat kerana ilmu itu bersifat seperti air yang mengalir dan menyuburkan hati masyarakat. Namun pastikan segala perlakuan dan perbuatan itu diiringi dengan keikhlasan agar tidak menjadi sia-sia.

SINOPSIS BUKU




Mohd Fadli Sulaiman
**Ragam Hidup
Berumahtangga**
Kuala Lumpur: Telaga Biru
Sdn. Bhd., 2016. 178ms.
ISBN 978-967-388-248-9

Buku ini dihasilkan ketika masyarakat Islam sedang bergelumang dengan permasalahan kerapuhan sistem kekeluargaan yang menyebabkan mereka cepat hilang pedoman ketika berdepan krisis rumah tangga. Justeru, buku ini diterbitkan bertujuan memberi input-input dan ilmu-ilmu yang bermanfaat bagi menangani karenah-karenah dalam rumah tangga serta hakikat sebenar alam perkahwinan yang perlu ditempuhi. Buku ini menegaskan tujuan asal sesebuah perkahwinan dan konsep perkahwinan dalam Islam serta peranan suami isteri dalam menjayakan sebuah perkahwinan. Sebagai pengajaran, kisah sebenar yang berlaku dalam dunia rumah tangga turut dipaparkan. Kisah ragam dan aksi rumah tangga ini diadun dalam gaya yang santai dan bersahaja supaya lebih mudah untuk dinikmati oleh para pembaca. Selain itu, cadangan dan penyelesaian untuk kemelut rumah tangga juga turut disertakan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Mohamad Feroz Mohammad Zaini
Aku, Dia & Rezeki
Selangor: Legacy Publisher,
2015. 179ms.
ISBN 978-967-127-4477

Buku ini merupakan himpunan pengalaman sebenar seorang insan biasa yang bukanlah seorang yang kaya harta, tetapi dikenali oleh insan di sekelilingnya sebagai seorang yang kaya budi. Beliau yang dikenali sebagai Abang Long, menulis dari hati tentang kisah-kisah kebaikan manusia yang ditemuinya setiap hari dan rezeki yang sentiasa sampai kepadanya tanpa disangka. Pembaca dapat menjawai setiap kisah seolah-olah pernah mengalaminya sendiri. Kisah yang disampaikan akan membuka mata dan jiwa pembaca menjadi lebih prihatin terhadap orang lain. Buku ini mengajar pembaca agar menghuraikan rahmah dalam setiap kisah agar hikmah muncul dan mengetuk pintu hati. Kisah-kisah kehidupan harian yang disajikan ini berupaya membantu pembaca menjadi manusia yang lebih baik, prihatin, dan bersyukur kerana kisah-kisahnya yang dapat membuka pintu hati kita.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Jamaludin Mustaffa,
Kamarudin Ngah
**Jenayah Rogol: Isu dan
Penyelesaian**
Kedah:Penerbit UUM,
2015. 88ms.
ISBN 978-967-0876-00-9

Buku ini ditulis sebagai panduan kepada masyarakat di seluruh Malaysia untuk memahami fenomena jenayah rogol serta faktor yang mempengaruhi berlakunya masalah jenayah tersebut. Jenayah rogol merupakan fenomena sosial yang dianggap serius dan tergolong dalam pelakuan kekerasan. Peningkatan kadar statistik jenayah rogol pada masa ini semakin ketara berbanding dahulu. Sekiranya berterusan, sudah tentulah implikasinya bukan sahaja boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan, tetapi juga boleh memporak-porandakan struktur masyarakat yang hidup aman damai dan harmoni. Buku ini memberi panduan kepada lapisan masyarakat dalam memahami dengan jelas bagaimana kejadian jenayah boleh berlaku dan cara mengatasinya. Semua pihak haruslah berwaspada terhadap apa perkara yang mungkin berlaku di sekeliling mereka, serta mempraktikan pendekatan yang boleh diambil bagi membendung perlakuan jenayah ini.


SINOPSIS BUKU



Jahid Haji Sidek, Dr. & Mahyuddin Ismail, Dr.
**Isu-isu Berkaitan Akidah
dan Syariah**
Pahang: Penerbit Universiti
Malaysia Pahang, 2015.
201ms.
ISBN 978-967-0691-27-5

Bidang Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) semakin berkembang pesat di Malaysia sejak akhir-akhir ini. Perkembangan ini sekaligus menggalakkan kemunculan pelbagai pusat rawatan yang menawarkan pelbagai jenis rawatan PT&K. Di Malaysia, terdapat enam jenis kategori PT&K iaitu Perubatan Tradisional Melayu, Perubatan Tradisional Cina, Perubatan tradisional India, Perubatan Islam, Perubatan Homeopati dan Perubatan Komplementari. Buku ini membincangkan tentang isu-isu berkaitan Perubatan Islam di Malaysia serta hubungkaitnya dengan persoalan akidah dan syariah. Terdapat banyak amalan yang disandarkan atas nama Perubatan Islam, namun hakikatnya bercanggah dengan syariah Islam. Masyarakat mudah terpengaruh dan keliru dalam memahami kaedah sebenar Perubatan Islam. Buku ini sesuai dijadikan rujukan bagi mendapatkan maklumat dan kefahaman berkaitan persoalan perubatan tradisional dan kontemporari berdasarkan syariah dan akidah Islam.

SINOPSIS BUKU



Rusly Abdullah, Dato' Dr.
**Strategi Menabung Dari
Kosong**
Kelantan: Rusly Abdullah,
2015. 142ms.
ISBN 978-967-13744-0-5

Kebanyakan orang Melayu tidak mempunyai simpanan kecemasan, bahkan segelintir daripada mereka yang mempunyai tabungan pula mempunyai simpanan kurang daripada RM20,000. Ini menjadikan orang Melayu sebagai kaum yang lemah dalam pengurusan kewangan dan tidak bersedia sekiranya menghadapi sebarang tragedi atau masalah kesihatan yang melibatkan kos kewangan yang tinggi. Tambahan pula, budaya menabung tidak menjadi amalan yang dipupuk di kalangan masyarakat Melayu. Justeru itu, semangat menabung perlu dipupuk sejak usia kanak-kanak lagi di kalangan masyarakat Melayu. Buku ini menyediakan panduan bagi mananam sifat menabung di kalangan masyarakat.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Ibnu Rijal
Cerita Dari Langit
Selangor: Grup Buku
Karangkraf Sdn. Bhd., 2016.
218ms.
ISBN 978-967-86-0609-7

Buku ini merungkai hikmah akan setiap peristiwa yang disaksikan, dilihat dan dilalui oleh Rasulullah SAW sepanjang perjalanan Baginda pada malam Israk dan Mikraj. Kisah Israk dan Mikraj ini merupakan sebuah kisah perjalanan suci Rasulullah SAW untuk bertemu Allah SWT. Kisah ini dibuktikan kesahihannya kerana ia adalah termaktub di dalam Al-Quran yang menjadi kalam Allah SAW dan terkandung hanya perkara yang benar sahaja. Buku ini menjelaskan tentang kronologi kisah Israk dan Mikraj serta hubung kaitnya dalam kehidupan kita. Di sebalik kisah yang tersurat, pasti ada kisah yang tersirat yang menjadi pedoman dan pengajaran untuk kita renungi dan hayati.

SINOPSIS BUKU




Alias Azhar, Harlida Abdul Wahab Dan Ahmad Munir Ishak
Hak Asasi Pekerja
Menurut Perspektif Islam dan Undang-Undang
Sintok, Kedah: UUM Press,
Universiti Utara Malaysia,
2015. 119ms.
ISBN 978-967-0474-96-0

Buku ini merupakan sebuah naskhah rujukan alternatif bagi setiap individu yang bekerja dalam sektor awam. Setiap individu yang bekerja atau istilah lain ‘makan gaji’ dapat memahami hak-hak asasi mereka sebagai pekerja sektor awam di Malaysia. Perbincangan secara menyeluruh aspek undang-undang dan peruntukan khas peraturan berkaitan pekerjaan di Malaysia menjadi fokus buku ini. Penulis turut mengupas secara menyeluruh berkaitan hak asasi pekerja dari sudut perspektif Islam dan undang-undang sekali gus mampu membina inspirasi hakiki kepada para pekerja sektor awam khususnya di Malaysia. Hubungan majikan dan pekerja merupakan antara faktor utama yang menjadi penentu ke arah kejayaan dan keberkesanan sesebuah organisasi. Persefahaman dan penghormatan terhadap hak asasi pekerja merupakan suatu perkara yang penting dalam mewujudkan perhubungan industri yang harmoni. Justeru, buku ini adalah penting dalam usaha menganalisis hak asasi pekerja di kalangan pekerja sektor awam di Malaysia yang dilihat dari perspektif Islam dan kerangka perundangan di Malaysia.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Kamariah Kamarudin
**Novel Melayu dalam
Pelbagai Perspektif**
Serdang, Selangor:
Penerbit Universiti Putra
Malaysia, 2014. 272 ms.
ISBN 978-967-344-410-6

Buku Novel Melayu dalam Pelbagai Perspektif ini direalisasikan penerbitannya sebagai sumbangan dalam memperkayakan khazanah sastera Melayu. Buku ini dibahagikan kepada beberapa penggalan utama yang mana mengandungi 13 bab kesemuanya. Kandungan buku ini menjurus kepada tiga bahagian utama perbincangan, iaitu menghubungkan novel Melayu dan pendidikan sastera, novel Melayu dan sastera Islam dan novel Melayu dalam arus terkini iaitu genre popular. Kajian ditumpukan kepada lingkungan novel Melayu yang terdapat dalam perkembangan penerbitan tanah air. Para pengarang yang menulis novel ini melingkari kesemua gender dan status pendidikan yang memperlihatkan rencam penghasilan karya. Malahan aspek yang dibincangkan pula merentasi disiplin ilmu yang meliputi agama, budaya, sosial, politik dan sebagainya. Kandungan buku ini dilihat dapat mencambahkan kefahaman serta rasa hormat yang saksama terhadap kesusateraan Melayu di kalangan pembaca, selain membuka horizon dalam memahami perkembangan persuratan Melayu tanah air.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




**Penyelenggara Rozan O'
Hara Dan Layla Haq
Epistolari 50 Pucuk Surat
Kepada...**

Cheras, Kuala Lumpur:
Metromedia Solutions, 2015.
248 ms.
ISBN 978-967-12597-2-6

Buku ini adalah gagasan kecil yang mana terkumpulnya semangat 50 pengirim surat yang berbakat dari kalangan generasi muda. Surat-surat yang dikirim mencecah ratusan pucuk namun telah disaring dan dinilai dengan terperinci dari aspek emosi, peribadi serta nilai eksklusif oleh penyelenggara buku ini. Secara keseluruhan 50 pucuk surat yang terpilih dititipkan di dalam buku ini menampilkan keperibadianya yang tersendiri. Menariknya, setiap surat yang dikumpulkan ini menitipkan rasa dan keinginan yang berlingkar pada harapan dan impian semua orang. Buku ini cuba untuk membangkitkan perasaan kali pertama menulis surat dan menerima sepucuk surat. Selain itu, ia juga menyingkap semula keindahan dan kesenian bahasa penulisan surat yang umumnya kini ramai di antara generasi muda telah lupa dan tidak terdedah akan budaya tersebut.


SINOPSIS BUKU



Abu Syari' Muhammad
Abdul Hadi, Dr.
**Wahai Wanita
Berhiaslah!**
Puchong, Selangor:
JASMIN Publications,
2012. 137 ms.
ISBN 978-967-5420-63-4

Buku ini menerangkan perihal tatacara dan hukum berhias khususnya dari aspek cara berpakaian dan perhiasan berlandaskan Al-Quran, Sunnah dan Hadis. Perhatian yang begitu besar terhadap perihal pakaian dan perhiasan wanita, disebabkan oleh munculnya isu-isu emansipasi (kebebasan) wanita sejak kebelakangan ini. Para wanita sering meminta supaya kedudukan mereka sama seperti kedudukan lelaki. Akhirnya konsep kebebasan wanita ini jelas memasuki jauh ke sela-sela budaya muslimah masa kini. Melalui tulisan ini penulis memuatkan pendapat-pendapat para ulama yang berbeza-beza dan mentarjih (mengambil yang benar) daripada pendapat mereka. Selain itu juga, terdapat penerangan hukum-hukum daripada Al-Quran, Sunnah dan Hadis sebagai menyokong perkara/permasalahan yang dibentangkan atau diperbahaskan. Tidak lupa juga hukum-hukum syariat melibatkan soal lelaki dan wanita atau keduanya turut dinyatakan sebagai panduan pembaca berhubung isu berpakaian dan berhias.

SINOPSIS BUKU




Hanis Mastura Yahya
Life is a Story
Batu Caves, Selangor: Must Read Sdn. Bhd., 2017. 168 ms.
ISBN 978-967-2038-00-9

Buku ini memaparkan perkongsian dan pengalaman kehidupan penulis sepanjang usia lebih 30 tahun, ia secara langsung mencakupi apa yang dialami, apa yang dilihat dan apa yang difikirkan olehnya. Penulisan buku ini juga merupakan peringatan kepada diri sendiri (penulis) dan khas ditujukan kepada orang lain (pembaca). Di samping itu, corak penulisan atau senario yang cuba disampaikan oleh penulis menjurus ke arah mendidik, memotivasi serta berkongsi hikmah di sebalik sesuatu perkara yang terjadi. Setiap kisah yang dimuatkan diselangi dengan pengajaran yang berlandaskan ajaran Islam sebagai renungan bersama. Buku ini memaparkan erti sebenar kehidupan yang dilihat seakan sebuah cerita. Namun ia bukan cerita novel atau drama, tetapi merentasi nilai realiti kehidupan manusia yang perlu ditempuhi dan dihadapi dengan keberanian. Pengalaman kebiasaannya mendewasakan seseorang dan pastinya semua orang tidak mahu melupakan setiap detik pengalaman tersebut. Inilah yang cuba disampaikan melalui buku ini.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Rusly Abdullah, Dato' Dr
**Rahsia Kekayaan Dari
Bogor**

Kota Bharu, Kelantan: Rusly
Abdullah, 2015.148 ms.
ISBN 978-967-13744-1-2

Buku ini merupakan satu kisah motivasi bisnes yang berdasarkan kisah benar. Dato' Rusly seorang yang muflis bangkit dari kegagalan sehingga beliau berjaya melunaskan hutangnya berjumlah ratusan ribu. Beliau berkata faktor untuk berjaya dalam sesebuah bisnes ialah perlu ada seorang mentor yang sudah diuji dan terbukti meraih kejayaan dengan cara yang jujur dan benar. Beliau juga menekankan perlu ada ilmu dan kemahiran dengan bisnes yang dijalankan dan harus rajin berusaha. Seseorang itu perlu ada sistem dan mekanisme yang relevan dengan bisnes yang dijalankan. Sokongan rakan-rakan dan keluarga yang ikhlas, jujur dan saling bantu membantu. Selain itu untuk berjaya seseorang itu perlu memanfaatkan ruang dan peluang yang ada dengan berkesan. Strategi pemasaran yang terbaik dan ikut trend semasa dan yang paling penting dalam sesebuah perniagaan atau kehidupan ialah sentiasa berdoa memohon bantuan daripada Allah SWT.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Rafie Ramli Dan Felina
Nadea Ed Fatah
Bisnes "Cara Kami"
Petaling Jaya, Selangor:
Legacy Publishing PLT.,
2016. 201ms.
ISBN 978-967-0893-16-7

Buku ini merupakan sebuah buku motivasi cinta niaga untuk sesiapa yang ingin memulakan perniagaan. Ia menceritakan kisah benar sepasang suami isteri yang jatuh bangun dalam bisnes sebelum mereka bergelar jutawan muda. Pada mereka kejayaan tidak datang bergolek jika tidak berusaha dan antara kunci sesebuah kejayaan adalah jangan mudah berputus asa. Bagi mereka perniagaan yang baik adalah perniagaan yang mendekatkan kita dengan Allah S.W.T. serta perlu yakin bahawa rezeki adalah daripada Allah. Banyakkan amalan bersedekah sama ada ilmu, wang ringgit atau sedekah doa kepada sesiapa yang memerlukan. Menurut penulis dalam perniagaan tiada usahawan yang bermula dengan mudah untuk mencapai kejayaan, usaha adalah tangga kejayaan.


SINOPSIS BUKU



Mohd Arshad Bin Taib,
Ustaz, Dr.
Kuasa Solat Berjamaah:
Tuntutan Memakmurkan
Rumah Allah
Kuala Lumpur: Aisyah
Humaira Publication., 2016.
126ms.
ISBN 978-967-12048-7-0

Allah S.W.T. telah mensyariatkan solat ke atas hambaNya orang-orang Islam, dengan tujuan mengukuhkan kewujudan dan fungsi mereka di atas muka bumi, iaitu melaksanakan perintahNya dan menjauhkan segala laranganNya. Buku ini membicarakan persoalan tuntutan solat fardhu berjamaah, memandangkan aspek ini menjadi salah faham yang ketara dan pengabaian yang merata. Solat fardhu dan solat Jumaat dituntut ke atas lelaki melakukannya secara berjemaah di masjid, lima waktu setiap hari kecuali uzur dan amat diambil berat oleh Rasulullah dengan perintah yang tegas dan peringatan yang keras. Tidak sempurna solat lelaki Muslim secara sendirian di rumah jika tiada sebarang keuzuran yang syarie. Solat berjemaah menjadi agenda atas pengimaranan masjid yang sekaligus dapat mengukuhkan ikatan hubungan dengan Allah S.W.T. dan hubungan ukhuwah antara keluarga dalam sesuatu qariah.


SINOPSIS BUKU



Ahmad Dasuki Al-Qari
Indahnya Sakaratul Maut
Rawang, Selangor: Pustaka Ilmu, 2016. 249ms.
ISBN 978-967-0634-54-8

Buku ini memberikan panduan kepada kaum muslimin dalam mengharungi bahtera kehidupannya di dunia ini sebagai persediaan menghadapi kematian. Kematian adalah sebuah keyakinan bagi semua makhluk yang bernyawa, termasuk manusia. Kematian tidak pernah terduga dan selalu tepat pada waktunya. Merupakan sebuah kebahagiaan bagi seorang muslim jika ia meninggal dalam keadaan husnul khatimah iaitu mengakhiri hidup dalam ketataan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Bagi sebahagian besar orang, kematian merupakan sesuatu yang menakutkan. Namun, bagi orang-orang beriman yang telah mempersiapkan diri berjumpa dengan Allah, kematian itu suatu jalan yang sangat indah bahkan sangat dirindui, kematian membawa orang beriman dari kehidupan dunia yang fana kepada akhirat yang kekal abadi.

SINOPSIS BUKU




**Rukayah Aman
Tanaman Berkhasiat
Ubatan**

Kuala Lumpur: Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2016.
157ms.
ISBN 978-983-62-9239-1

Buku Tanaman Berkhasiat Ubatan ditulis untuk memberi maklumat berkenaan khasiat tanaman ubatan di persekitaran kita. Setiap spesis tanaman disertakan maklumat tentang khasiatnya dan gambar berwarna-warni untuk membantu para pembaca agar dapat mengenali spesis tanaman tersebut. Buku ini juga menerangkan nama biasa, nama botani atau nama sains dan famili bagi setiap jenis tanaman untuk memudahkan kefahaman pembaca. Buku ini boleh dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat yang ingin tahu dan mencuba sendiri khasiat dan kesan tanaman atau bahagian-bahagian tanaman seperti yang diterangkan dalam buku ini. Penulis berharap buku ini berguna sebagai rujukan kepada mereka dan pengamal perubatan tradisional untuk menambah pengetahuan yang telah mereka miliki.

SINOPSIS BUKU




Menjejaki Aisyah Abad Ke 21

Kuala Lumpur: Aisyah Humaira' Publication, 2016.
2016 ms.

ISBN : 978-967-12048-9-4

Buku ini menghimpunkan 12 bab yang dibahagikan kepada 2 bahagian ini ditulis oleh panel penulis yang berpengalaman luas dalam bidang pendidikan, kemasyarakatan, penulisan dan kajian ilmiah. Buku ini mengupas tentang ketokohan dan kepakaran Saidatina Aisyah RA daripada pelbagai sudut ilmu, iaitu sebagai seorang tokoh pendidik, pakar dalam bidang tafsir, hadis, fiqhah Islam, perubatan Islam dan tokoh politik serta di peperangan. Antara intipati penting penerbitan buku ini ialah perbincangan ilmiah pada Bahagian 2 yang mengupas mengenai pendidikan wanita, prinsip-prinsipnya menurut al-Quran dan al-Sunnah. Pada akhir buku ini, penulis cuba membawa pembaca untuk menjelaki Aisyah di abad ke 21 ini dengan memperkenalkan secara terperinci beberapa nama tokoh wanita antarabangsa yang mempunyai ciri-ciri seperti Saidatina Aisyah RA. Terdapat juga himpunan mutiara hadis yang diriwayatkan oleh Saidatina Aisyah RA sebagai panduan kepada wanita.

SINOPSIS BUKU



**Sexual Harassment In
The Education Sector: A
Malaysia Perspective**
Kuala Lumpur: IIUM
Press, 2016. 344 ms.
ISBN: 978-967-418-421-6

Sexual harassment is one of the contemporary silent issues in the education sector in Malaysia. Sexual harassment is a social problem that the students are battling with either among the peers or among the superiors, the teachers and administrators of the schools. Hence, this Book elaborately explicates the various issues relating to sexual harassment in the Malaysian schools and institutions of higher learning and further, the various approaches towards its prevention. This Book also examines the role of mental health professional or counsellor in dealing with the issue of sexual harassment and discusses the prevention of sexual harassment or sexual assault from the religious perspective with special reference to religions such as Buddhism, Hinduism, Christianity and Islam. This Book will be a precious source of reference and be immensely beneficial to a wide range of readers, and an essential reading for educators such as teachers, lecturers, researchers, principals, administrators, and policymakers, among others.


SINOPSIS BUKU



Idham Jaafar, Dr.
Untuk Kamu Berfikir
Shah Alam, Selangor: Grup
Buku Karangkraf Sdn. Bhd.,
2016. 181 ms.
ISBN: 978-967-86-0680-6

Kandungan buku ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu kebenaran kalamullah secara linguistik dan kebenaran kalamullah dari segi saintifik. Bahagian pertama, penulis membincarkan tentang keindahan dan ketepatan firman ALLAH SWT dalam surah yang biasa diamalkan seperti al-Fatihah, an-Nas dan sebagainya. Bahagian kedua pula kandungannya lebih fokus kepada kejadian alam dan kehidupan seperti yang tertulis di dalam al-Quran. Buku ini bertujuan untuk mengajak pembaca mengubah cara berfikir tentang apa yang ada di sekeliling kita. Pengisian yang diselitkan menerusi penulisan buku ini sedikit sebanyak bakal membuka mata dan hati pembaca untuk mengubah cara pemikiran yang lebih terbuka mengenai kehidupan. Selain itu, penulisan yang menggunakan ayat atau perkataan sederhana ini juga menjadikan buku ini lebih mudah difahami dan sesuai untuk semua pembaca.

SINOPSIS BUKU




Isu Halal Kontemporari

Serdang, Selangor:
Penerbit Universiti Putra
Malaysia. 2014. 345 ms.
ISBN: 978-967-344-393-2

Penerbitan buku Isu Halal Kontemporari ini adalah bertujuan mengenangkan isu berkaitan dengan penghasilan produk halal semasa di samping dapat dijadikan alternatif penyelesaian kepada permasalahan yang timbul berkaitan isu halal. Terdapat sebanyak 18 bab yang terkandung dalam buku ini membincangkan tentang isu halal meliputi semua aktiviti penghasilan produk halal daripada pengurusan di peringkat ladang sehingga aspek penyediaan pemakanan serta pemakaianya. Usaha penerbitan ini sangat memberi manfaat untuk meningkatkan kesedaran aspek halal dalam kalangan pengguna, pengusaha industri halal dan badan pensijilan halal. Selain itu, buku ini juga bertujuan mendidik masyarakat supaya lebih peka dan berkesedaran tinggi terhadap pemilihan produk halal yang memenuhi kehendak syarak. Halal bukan sahaja menyentuh aspek kebaikan mengambilnya malah lebih kepada tanda kepatuhan kepada syariah Allah SWT.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Aizat Razak, Coach Aizzat Adnan & Bahrudin Bekri
Aku Dah Kurus!: Kisah Kejayaan. Kau Bila Lagi?
Selangor: GRUP BUKU KARANGKRAF SDN. BHD.,
2016. 367ms.
ISBN 9789678607094

Menjadi idaman setiap orang ingin mempunyai bentuk badan yang menarik dan sihat. Pengarang berkongsi pengalaman dan panduan kepada pembaca yang ingin kurus tidak kira lelaki mahu pun wanita. Pengarang memberi penjelasan bahawa apa yang penting adalah cara pemakanan yang betul iaitu dari segi ‘*potion*’ makanan yang dimakan selain apa yang dimakan. Perkongsian pengalaman pengarang dalam program ‘Jom Kurus 1Malaysia’ telah memberi inspirasi baru kepada peserta program dalam usaha untuk tampil sihat dan bahagia. Buku ini sesuai untuk semua lapisan masyarakat agar menjadi rakyat yang sihat dan berketrampilan

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Muhammad Nubli Abdul
Wahab
**Merubah Diri Dalam 21
Minit Menggunakan
Teknik Biomaklumbalas**
Pahang. Penerbit UMP,
2015. 91ms.
ISBN 9789670691480

Pengarang cuba berkongsi kaedah merubah diri iaitu gabungan antara kaedah cara Islam dengan kaedah biomaklumbalas atau *biofeedback*. Kaedah-kaedah ini disesuaikan dengan budaya dan gaya hidup masyarakat Malaysia. Buku ini memberi panduan dalam menangani isu permasalahan disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah dan pelajar IPT dengan berpandukan kaedah-kaedah tersebut. Biomaklumbalas adalah teknik terkini yang digunakan untuk mengawal minda, emosi dan hati dibantu oleh alat biomaklumbalas iaitu komputer yang berfungsi untuk memaparkan prestasi pengawalan diri seseorang. Bagi kaedah cara Islam ianya memberi penekanan kepada kaedah zikir yang sangat mudah dan ringan dan zikir ini juga boleh diamalkan oleh sesiapa sahaja. Walaupun buku ini membincangkan pemulihan kepada penagih dadah tetapi ia boleh digunakan oleh guru-guru untuk menangani masalah disiplin pelajar di sekolah.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Norazizam Binti Zamri
**Pramatang : Kelahiranmu
Satu Anugerah**
Selangor. Legacy
Publishing PLT, 2015.
142ms.
ISBN 9789670893150

Kandungan bayi di dalam kandungan seorang ibu mengambil masa selama 37 minggu untuk mencapai kesempurnaan. Walaubagaimanapun, kanak-kanak yang dilahirkan sebelum lengkap 37 minggu dikatakan sebagai bayi pramatang. Menurut kajian, kadar kelahiran bayi pramatang adalah semakin meningkat dan setiap tahun lebih 15 juta orang bayi pramatang dilahirkan. Selain penjelasan mengenai bayi pramatang, buku ini turut membincangkan mengenai penjagaan sebelum dan selepas melahirkan bayi pramatang yang boleh dikongsi oleh para ibu. Buku ini turut berkongsi pengalaman ibu pramatang dalam proses penjagaan bayi mereka dari peringkat awal kelahiran hingga peringkat pembesaran bayi tersebut. Pahit manis yang dilalui oleh para ibu bapa dalam proses membesarkan anak-anak pramatang ini dapat memberi panduan kepada pembaca keseluruhannya.

SINOPSIS BUKU



Noor Rohana Mansor &
Ibrahim Kamoo
**Pembudayaan Bahasa
Melayu sebagai Bahasa
Ilmu Tinggi**
Terengganu. Penerbit UMT,
2014. 60ms.
ISBN 9789670524726

Bahasa Melayu yang merupakan Bahasa Kebangsaan Malaysia menjadi bahasa pengantar utama di institusi pendidikan dan seharusnya digunakan secara menyeluruh agar menjadi alat komunikasi dalam apa jua keadaan. Ianya selaras dengan peruntukan Perlembagaan di dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan agar menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa yang mempunyai keilmuan yang tinggi seterusnya diangkat sebagai pemangkin kesarjanaan akademia Melayu. Pendapat dan kajian yang berkaitan Bahasa Melayu dikongsikan dalam buku ini sebagai penguat dan bukti akan ketinggian ilmu yang terkandung dalam bahasa ini. Walau bagaimanapun, dalam memartabatkan Bahasa Melayu ini, pelbagai cabaran perlu dilalui. Sehubungan itu, jati diri dalam setiap individu itu adalah amat perlu supaya matlamat untuk menjulang Bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa dapat direalisasikan.


SINOPSIS BUKU



Tarmiji Masron & Mokhtar Saidin (editor)
Teknologi Maklumat Ruangan dalam Arkeologi
Pulau Pinang. Penerbit Universiti Sains Malaysia,
2015. 195ms.
ISBN 9789838618557

Bidang arkeologi masih belum diketahui secara menyeluruh oleh seluruh masyarakat di Malaysia. Bidang ini juga akan dikaitkan dengan tapak bersejarah dan artifaknya. Pada era digital kini, penggunaan GIS, GPS, penderiaan jauh dan foto udara telah merubah kaedah penyelidikan dan proses analisa bidang arkeologi. Buku ini membincangkan penggunaan teknologi dalam bidang arkeologi berdasarkan kajian penyelidik-penyalidik institusi pengajian tinggi di negara ini. Universiti Sains Malaysia telah mengambil inisiatif dalam mengumpul kajian-kajian yang berkaitan untuk dimuatkan dalam buku ini agar pembaca dapat memahami dengan lebih jelas. Sebagai contoh penggunaan aplikasi sistem maklumat geografi (GIS) dalam kajian di Lembah Lenggong.

SINOPSIS BUKU



Shaharom T.M. Sulaiman
Passion for Books: A Journey to the World of Books and Books Lovers: A Cultural Perspective
Selangor. IM BOOKS EVERYTHING, 2016.
143pages.
ISBN 9789671406014

This book reveals the uniqueness, treasures and wisdom that make book lovers adore books and how reading text can be amusing and fascinating. World of book lovers is rarely discussed because some found that it is not interesting. However, the author took the initiative to change our perception towards reading and admiring books. Book lovers often called Biblioholic or Bibliophile. Their passions are reading, admire and collect large amount of books and some even have a special collection of their own. This book discusses the world of book lovers from different culture and region. It encompasses four main parts which is Books and Their Charm, Getting to Know the World of Book Lovers, Travelogue of Book Lovers and The Strange World of Book Lovers.